

# Estetika di Sebalik Tabir Teori Sastera Melayu Islam

MANA SIKANA

## ABSTRAK

Makalah ini meninjau peranan teori sastera dan sumbangannya dalam aspek kebahasaan. Bahan-bahan rujukan diasaskan kepada pembacaan buku-buku yang terkenal dalam bidang ini di samping pengalaman peribadi penulis sendiri. Penekanan diberikan terhadap estetika Islam supaya dapat ditunjukkan dasar-dasar penting keindahannya. Di samping itu, makalah ini berusaha memperlihatkan perubahan yang berlaku terhadap penteorian persuratan baik yang moden maupun pascamoden serta kesannya ke atas bahasa dan kekuasaannya.

Kata Kunci: Formalisme, Pascastrukturalisme, *Puitika Sastera Melayu*, Al-Jamal dan Pengabdian.

## ABSTRACT

This paper explores the functions of literature theory and its contributions in language applications. The sources of this writing are authentic books and the writer's own personal experiences. Emphasis has been given on Islamic aesthetic with the hope that it could glimpse the principles of beauty. Further more, this paper seeks to expose changes that occur in literature theoritizing whether of the modern or postmodern, and also its impacts on language and its resonance.

Key words: Formalism, Postructuralism, Malay Poetic Literature, *Al-Jamal* (The Beauty) and Salvation.

## Pengenalan

Aspek estetik atau keindahan merupakan wacana dasar dalam dunia kesusasteraan. Sejak zaman berzaman aspek estetik menjadi pesona dan magis kepada khalayak sastera. Apabila menyebut keindahan, rujukan akan banyak tertumpu kepada bahasa. Dalam konteks ini tulisan ini akan cuba membahaskan beberapa teori sastera yang berhubungan dengan estetika bahasa. Bermula dengan teori formalisme Rusia, ke

pascastrukturalisme ke teori tempatan seperti puitika sastera Melayu dan teori sastera pengabdian, taabudiyah. Islam mempunyai estetikanya sendiri yang dibina bersumberkan al-Quran dan al-Hadis. Tujuan utama tulisan ini untuk memperlihatkan peranan teori sastera dan sumbangannya dalam aspek kebahasaan. Penekanan diberikan kepada estetika Islam, supaya dapat ditunjukkan dasar-dasar penting keindahannya. Di samping itu untuk melihat perubahan yang berlaku terhadap penteorian persuratan sama ada yang moden atau pascamoden dan kesannya kepada bahasa dan kekuasaannya.

## Konsep Estetik

Konsep estetik ialah yang menilai teks sastera dengan merujuk kepada aspek keindahan dan kekuatannya. Estetik ialah rasa keindahan, keseronokan, kegembiraan yang merujuk kepada yang bernilai dan bermanfaat serta penikmatan yang mempesonakan atau penglihatan yang memukau, yang cepat menawan perasaan dan terpahat dalam pemikiran. Dalam seni sastera, apabila kita berbicara tentang keindahan, ia akan selalu merujuk kepada keindahan yang berkait rapat dengan kesan daripada bahasa yang digunakan pengarang. Cara pengarang mencerna, mengadun dan mengolahkan karyanya juga yang menserlahkan rasa keindahan.

Dapat ditegaskan keindahan ialah daya tarikan dan kepuasan dalam penikmatan karya sastera terhadap aspek susunan unsur struktur yang harmonis yang memiliki perasaan, pemikiran dan sebagainya. Setiap komposisi karya memiliki keindahannya tersendiri. Khalayak akan membina pula sikap estetiknya bagi menerima teks-teks tersebut. Keindahan yang lebih agung lagi ialah yang membawa manusia mencapai kebaikan, mengagungkan Allah Azza Wajalla

Keindahan pengalaman bergantung kepada keunikan pengalaman; pengalaman itu luar biasa, belum pernah dialami, menarik dan memberinya kepuasan. Membaca adalah proses penambahan pengalaman. Pengalaman keindahan ialah apabila kita merasa kesan yang menarik, mengagumkan, menyediakan atau yang memeranjatkan. Seandainya pengalaman yang diberikan pengarang itu istimewa, maka pembacaan kita akan merasakan kenikmatan keseronokannya. Sebuah karya yang baik ialah elok ciptannya, tinggi seninya dan halus adunannya. Apabila kita membaca perasaan kita akan turut digoncangnya.

Hasil daripada pembacaan itu, kita mendapat pemikiran yang tinggi atau ada falsafah tentang hidup. Kita dipintarkan olehnya, bukan digurui

atau dimarahinya. Sebuah karya sastera yang berestetika juga mengajar kita menyelesaikan masalah yang kita hadapi. Rasa keindahan juga berkait-rapat dengan kemampuan sesebuah teks itu bagi menimbulkan perasaan kita, seperti perasaan gembira, simpati, marah, terharu dan sebagainya. Karya itu pula dapat menimbulkan rasa geram, dengki, cemburu dan sebagainya. Pengarangnya dengan bijaksananya berketrampilan mempermudah imaginasi bagi menghidupkan dunia realiti, fantasi, utopia, magis dan seumpamanya.

Karya itu memiliki wawasan dan kita mendapatkan kesan atas wawasan yang dibinanya dalam teksnya itu. Watak-wataknya pun berwawasan, mempunyai cita-cita dan keazaman, serta pandai mengurus masa dan zaman; akhirnya ia menjadi watak yang berjaya. Kita sebagai pembacanya merasa keindahan pengalaman yang dibawakan wataknya. Keindahan dapat dilihat daripada pembentukan textual dan kontekstual, terutamanya aspek kebahasaannya juga. Estetika juga dapat dikesan daripada aspek penstrukturkan teks (Mana Sikana, 2006).

## Estetik Moden

Kajian bahasa dalam konteks memperlihatkan estetika teks pada sastera zaman moden, diaplikasikan oleh teori formalisme Rusia. Teori ini memulakan tradisinya pada tahun 1914, yang juga kadang-kadang disebut sebagai metode formal, *formal'nyj metod*, yang banyak menumpukan kajian terhadap penggunaan bahasa dalam penulisan sastera kreatif. Karya bersifat otonom dan meletakkan analisis bahasa sebagai aspek terpenting daripada komponen struktur yang lainnya. Estetika karya terletak pada bahasa, menyanggah dasar utamanya dalam *The Poetics* oleh Aristotle yang berteraskan *plot is the soul of the text*. Kedudukan teori formalisme semakin kukuh di Praha sekitar 1920-an dengan tokoh-tokoh formalis lainnya. Pada masa yang sama, tradisi teori strukturalisme mula tumbuh di Rusia. Roman Jakobson memandang teori sastera dan puitika sebahagian daripada integral linguistik, katanya “sastera adalah bahasa dalam fungsi estetik”.

Hampir setiap aliran baru penteori sastera Eropah berpandukan pada tradisi kajian bahasa formalisme, dan menganggap bahawa teori formalisme satu-satunya kaedah yang benar dan absah untuk mendapatkan estetika melalui bahasa. Mereka mementingkan ilmu sastera dan hukum bahasa puitik. Kajiannya menemukan sifat-sifat sastera yang universal. Sastera harus dilihat sebagai textual dan dipisahkan dengan kontekstualnya. Kaum formalisme menghargai pembaharuan, bentuk

baru menghasilkan isi baru dan isi ditentukan oleh bentuk. Formalisme inginkan karya yang bermutu tinggi dan menolak teks yang rendah nilai sasteranya; dan menolak karya sarat citraan atau gila simbolik, sambil menekankan pentingnya penggunaan kiasan, ulangan, simetri, hiperbola dan metafora. Isinya menggambarkan pengalaman hidup yang dengan bahasa yang estetik. Golongan formalisme mementingkan citra melalui kekuatan bahasa (Fokkema, D.W. & Kunne-Ibsch, Elrud, 1998:22-24).

## Estetika Bahasa Pascastrukturalisme

Pascastrukturalisme muncul akibat hilang kepercayaan terhadap strukturalisme, terutamanya aspek otonomi dan kematian pengarang. Salah sebuah teorinya ialah teori psikoanalisis Jacques Lacan, iaitu yang merupakan penilaian semula terhadap teori klasik Freud. ada aspek Freud yang masih dikenalkan seperti konsep dan fungsi kejiwaan, tetapi ada yang diubah seperti istilah-istilah untuk mengenal dunia kejiwaan itu. Fikiran-fikiran itu pula, Lacan hubungkan dengan strukturalisme Saussure. Tegasnya, teori sastera Lacan sebenarnya adalah cantuman psikoanalisis Freud teori strukturalisme Saussure (Lemaire A 1997).

Asas kepada teorinya ialah *unconscious structured like a language*, bawah sedar terstruktur seperti sebuah bahasa. Dengan perkataan lain bahawa tidak sedar itu dapat distrukturkan seperti juga bahasa yang mempunyai strukturnya, dan tidak sedar itu adalah manifestasi bahasa. Bawah sedar boleh didekati, difahami, dianalisis dan dimaknai justeru ia tersusun seperti bahasa. Seperti kita maklumi bahasa mempunyai sistemnya yang tersendiri dan menyimpan maknanya, maka begitulah juga bawah sedar itu. Dengan sendiri teori Lacan juga amat mementingkan bahasa, baginya bahasa adalah sebuah wacana dan meletakkan betapa pentingnya bahasa dan menjadikannya sebagai salah satu dasar teorinya. (Webster, R. 1997). Pemikiran dasar Lacan tentang bahasa, ia adalah tenaga untuk pembentukan individu. Dengan penguasaan bahasa ia mengenal diri, keluarga, alam sekitar dan masyarakatnya. Mengenal diri ertinya menguasai pembentukan subjek. Fungsi bahasa bukanlah untuk tujuan komunikasi tetapi sebagai tempat untuk subjek memperolehi dirinya dan memenuhi keinginannya. Dan subjek itu pula tidak akan sampai ke tahap kewujudannya sehingga dia sampai ke peringkat sedar, iaitu dapat membina konsep sedarnya, mengenali dan menguasai ibu bapa, keluarga, dan persekitarannya, dengan itu membawanya mengenal latar kehidupan dan masyarakat dunia yang dimasukinya (Sarup, M. 1993).

Bawah sedar mempunyai susunan atau sistemnya, mampu membina tanda, metafora dan simbol, dengan demikian bawah sedar ikonik kepada sebuah bahasa, dengan kata-kata lain menurut Lacan, sesungguhnya bawah sedar manusia hanya wujud atau berfungsi setelah manusia mengenali dan mempelajari bahasa. Fikiran terstruktur dan menjadi real ke dalam amalan sosial. Bawah sedar yang dikatakan terstruktur sebenarnya juga yang membezakan – perbezaan besar – antara Lacan dengan Freud. Lacan menyatakan bahawa konsep psikonalisis Freud adalah tidak saintifik, apa lagi dilandaskan kepada konsep mimpi, dan beberapa istilah yang digunakan Freud adalah kabur dan sukar untuk dihuraikan. Kesukaran untuk menghuraikannya, menjadikan bawah sedar menjadi abstrak, sukar ditanggapi dan tidak dapat dipastikan kewujudannya. Istilah id, ego dan superego hanyalah kenyataan-kenyataan yang tidak terbukti dengan saintifik. Justeru itulah Lacan cuba mensaintifikkannya dengan menyatakan bahawa bawah sedar terstruktur seperti bahasa. Apabila sesuatu itu ada strukturnya, maka wujudlah subjeknya (Mular, J & Richardson J. 2006). Kepada Lacan, bahasa merupakan wacana, di sinilah terjadinya segala praktis sosial. Dengan bahasa juga sebagai wahana pembentuk individu dalam sistem sosialnya. Dengan itu manusia adalah subjek iaitu individu sebagai pengguna bahasa yang mengalami perkembangan bahasa dan perubahan segala tanda petanda. Lacan juga menemui bahasa yang disebutnya sebagai skizofrenia yang kaya dengan pelbagai tanda dan makna yang tidak dapat ditentukan. Yang penting, ia melahirkan teks skizofrenik dan watak-watak yang bersifat skizofrenikal (Lemaire, A. 1997).

### Estetika dalam Teori Tempatan

Muhammad Haji Salleh dengan teorinya *Puitika Sastera Melayu* (2000), konsep utamanya menemukan aspek bahasa, gaya bahasa dan stil dalam sastera Melayu. Bahasa yang sempurna, yang tidak janggal dan mempunyaiimbangan dan kontras menjadi ciri utama pramasastera, terutamanya yang terbayang pada pantun, syair dan hikayat. Dibuktikan bahawa orang-orang Melayu mengistimewakan pemilihan kata, susunan dan ungkapan-ungkapan yang cantik dan bermakna tajam pula. Konsep keindahan sangat penting dalam pemikiran sastera Melayu dan inilah yang menjadi dasar kepada kajian Muhammad Haji Salleh. Daripada pantun sahaja ditariknya kepada enam ciri, iaitu makna dan citra yang dipadatkan, makna dan imej yang dilayangkan secara halus dan tidak langsung, dunia yang berbelah dua, muzik bahasa sebagai pengalun makna, sama ukuran atauimbangan dan kesederhanaan dan kesesuaian

sebagai landasan pilihan. Keindahan juga terdapat dalam hikayat, yang menemukannya sebanyak enam ciri keindahan: pertama, menceritakan kehidupan, mengajar dan membimbing khalayak, kedua dunia pengalaman dirundung kesusahan, kesedihan dan kesengsaraan, cermin hidup Melayu yang tidak mudah, kerdil dan lemah. Ketiga aspek keaslian dalam karya, keempat, karya yang bersifat episodik. Kelima, perasaan takjub dan hairan terutamanya pada dunia magis, dan yang keenam yang bersifat dramatik. Estetika keindahan puisi ialah memiliki makna yang kuat, padu dan teguh yang disampaikan secara eksplisit atau implisit dengan bahasa yang berimbang, sesuai dan sederhana. Dalam prosa pula menggambarkan pengalaman kehidupan, yang asli atau realiti, berunsurkan kesuraman tetapi mengandung unsur keajaiban, dramatik dan episodik. Tegasnya konsep estetika sastera Melayu ialah menghadirkan kehidupan dari pengalaman dan dikaryakan dengan bahasa yang cantik dan mengandung pengajaran. Daripada teori puitika sastera Melayu Muhammad Haji Salleh yang menurunkan ciri-ciri estetika teks-teks sastera tradisional Melayu, dengan sendirinya bercirikan keindahan Melayu itu sendiri. Justeru itu ia amat sesuai untuk dibawa atau ditransformasikan, dimodifikasi atau diekspansikan menjadi metode atau kaedah atau teori pengajaran sastera di sekolah.

### Keindahan dalam Sastera Islam

Estetika bahasa dalam konteks teori sastera Islam dijelmakan dalam teori pengabdian, atau taabudiyyah. Konsep keindahan atau al-jamal ini berdasarkan rujukan kepada seni sastera al-Quran. Dasar Sastera Islam ialah kitab suci al-Quran. “Al-Quran” berasal daripada perkataan “qaraa”, yang bererti baca. Jelas sekali al-Quran ialah sesuatu yang dibaca dan dengan suara nyaring pula, atau *recite*. Sebab itulah Tuhan menyuruh hamba-Nya membaca al-Quran dengan kuat, sehingga dapat didengar oleh orang lain.

Orang-orang Arab zaman Jahiliah sudah mempunyai bentuk-bentuk sastera yang tinggi sebelum al-Quran diturunkan. Meskipun persekitaran jazirah Arab dipenuhi padang pasir dan kehidupan mereka terpencil dari empayar Romawi dan Parsi waktu itu; tetapi mereka sudah memiliki tradisi sastera yang tinggi. Antara genre yang berkembang ialah syair, pidato, kisah atau cerita penglipur lara dan kata-kata hikmat. Keindahan syair terletak bahasa yang indah, rentak disebut “al-mizan” yang berwazan, sedap dibaca dan didengar. Juga mementingkan bentuk dan isi yang unik. Aspek yang dipentingkan ialah unsur-unsur bunyi dan mereka juga menitikberatkan penggunaan bahasa yang lunak dan merdu.

Gubahan syair merupakan kejayaan yang gilang-gemilang dalam tradisi puisi seluruh dunia. Tidak ada pengkaji di Timur atau Barat yang tidak memberikan penghargaan di atas kreativiti dan ketajaman sensitiviti penyairnya (Bakri, Syaikh Amin, 1978).

Apabila al-Quran diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. ia membawa satu bentuk baru, yang belum pernah ditemui. Al-Quran seolah-olah seperti syair tetapi tidak berbentuk syair/puisi. Kadang-kadang seperti prosa tetapi tidak prosa. Orang Arab menuduh al-Quran sebagai mantera kahin dan Nabi Muhammad mereka dituduh sebagai kahin. Orang-orang Arab sangat gemar membaca al-Quran dan gemar pula mendengarnya. Ini disebabkan al-Quran mengandung unsur-unsur keindahan bahasa dan erti yang sangat tajam dan kuat. Menurut Muhammad Zaqlul Salam, dalam bukunya, *Athar al-Quran fi Tataur al-Naqd al-Adabi* (1961), orang-orang Arab sememangnya memberikan tempat yang istimewa kepada aspek stailnya dan dalam segi maknanya. Sifat-sifat al-Quran inilah sebenarnya yang mempesonakan dan menakjubkan mereka. Orang Quraisy apabila mendengar pembacaan al-Quran, mereka berasa serba salah sama ada untuk mengikut agama nabi atau mengikut agama nenek moyang mereka disebabkan estetik al-Quran itu adalah luar biasa.

Seorang pemimpin Quraisy, al-Walid Ibn al-Mughirah, yang juga seorang pengkritik puisi Arab telah mementang risalah Nabi; tetapi apabila mendengar bacaan ayat al-Quran itu, beliau terus memuji bahasanya yang amat menarik. Dia mengatakan bahawa tiada siapa yang dapat mengatasi karya al-Quran itu dan juga al-Quran bukanlah ciptaan manusia biasa. Seorang lagi, Atabah Ibn Rubiah apabila mendengar bacaan al-Quran, lantas berkata, “Dengan nama Allah aku tiada pernah mendengar ucapan demikian dahulu, ia bukanlah karya puisi atau mantera kahin.” Saidina Omar yang pada mulanya musuh Islam, apabila pada suatu hari diberitahu tentang ada keluarganya memeluk agama Islam, terus pergi ke rumah adik perempuannya. Apabila dia terdengar adiknya membaca al-Quran dia terpengaruh dengan bacaannya dan berasa yakin bahawa al-Quran itu bukan ciptaan nabi. Ini adalah suatu kebenaran dan dia pun menganut agama Islam.

Orang-orang Arab terlalu kuat menentang ajaran nabi tetapi takut mendengar bacaan al-Quran. Mereka menuduh nabi mempunyai kuasa sihir dan mereka takut terpengaruh dengannya tetapi tidak dapat menolak keindahan dan keajaiban al-Quran. Tegasnya, walaupun orang-orang Quraisy menentang kebenaran risalah yang dibawa oleh Nabi Muhammad, tetapi mereka tidak dapat menolak keistimewaan yang dimiliki oleh al-Quran. Mereka kagum dan menganggap al-Quran adalah

sebuah hasil sastera yang tidak ada tolak bandingnya, iaitu sebuah karya yang bermutu tertinggi. Di sinilah sebenarnya konsep mukjizat yang ada pada al-Quran, dan sememangnya Allah sendiri menjadikan al-Quran itu sebagai mukjizat kepada Nabi Muhammad s.a.w. yang menjadi tanda kebenaran dakwah yang dibawanya.

Setiap tahun penduduk Arab menyambut perayaan “hari sastera” mereka. Selama 20 hari mereka berkumpul di Ukkaz dalam bulan Zulhijjah, 10 hari di Madinah dan 8 hari di Hijaz, untuk membaca syair-syair pilihan. Sebuah lembaga pemilih atau hakim akan memilih mana-mana penyair yang terbaik bagi setiap tahun. Justeru, muncullah mana-mana penyajak seperti Imrul Qais, Tarafah ibn al-Abd, Zuhair ibn Salma, Lbid Rubiah, Amru ibn Kalthum, Antarah ibn al-Absi, Al-Harith ibn Hilzan, al-Nabighah ibn al-Zubyani, al-Aksya dan Amru bin Qamiah yang dianggap sebagai raja-raja penyair Arab, yang digelar “Al-Muallaqat”.

Syauqi Dhaif dalam bukunya *Al-Adab Fi al-Asril Islami* (1998) bahasa Arab sebelum datangnya al-Quran merupakan bahasa yang tidak baku (standard), meskipun kaya perbendaharaan kata-katanya. Loghat atau bahasa daerahnya juga banyak dan tidak pernah terlintas untuk menyatukannya, tetapi bila al-Quran diturunkan bahasa Arab mencapai ketinggiannya.

## Sastera untuk Pengabdian

Sastera Islam adalah pancaran orang yang muqarrabin dengan Ilahi secara rohiah dan badaniah. Tegasnya sastera Islam itu adalah sastera untuk pengabdian (Al-Akkad, Abbas Mahmud, 1964: 5-6). Menurut Ahmad Iskandar dalam kitabnya *Al-Wasit Fi al-Adabi wa al-Tarikh*, (1967:94-97) Seni untuk Pengabdian mempunyai dua tujuan penting yang terkandung dalam pengertian “Seni untuk Pengabdian” itu. Pertama, untuk menguatkan akidah dan kedua untuk meninggikan akhlak. Penguatan akidah bererti karya sastera yang dapat menunjukkan atau membimbang ke arah memperkuatkan iman dan kepercayaan. Perjuangan karya sastera ke arah ini, tidak pernah selesai semenjak penyair mula menulis tentang Islam atau mula bertugas sebagai penyair Islam. Perjuangan ini telah dimulakan oleh golongan penulis zaman Nabi Muhammad s.a.w. kemudian disambung di zaman Umayyah, Abasiah, Andalus, Othman hingga ke zaman Melaka, dan terus ke abad ini. Masalah kemurungan, kelembapan, kelemahan iman orang-orang Islam tetap berlaku sepanjang zaman, dan inilah yang menjadi punca keruntuhan Islam. Jika hendak menguatkan umah Islam, maka iman penganutnya mestilah terlebih

dahulu diperteguhkan. Oleh sebab itulah karya sastera Islam berfungsi ke arah penguatan iman atau akidah ini.

Bagi memenuhi keperluan fungsi ‘Sastera untuk Pengabdian’ ini, apa sahaja tema dapat diangkat. Setiap permasalahan dan persoalan dapat dijadikan bahan inspirasi pengarang dan teknik yang mudah untuk menyampaikannya ialah dengan menyelesaikan semua permasalahan itu dengan menggunakan nilai-nilai Islam. Ini sesungguhnya, memerlukan pengetahuan Islam itu sendiri, lebih-lebih lagi apa yang dimaksudkan dengan nilai Islam itu. Tidak dapat ditolakkan tanpa pendasar ilmu Islam, seseorang itu tidak akan dapat menggunakan nilai atau penilaian Islam, malah mungkin akan mengacau atau merosakkan nilai Islam itu pula. Bagaimanapun seseorang itu dituntut, mengamalkan sekadar apa yang ia tahu dan berusaha pula untuk mempertingkatkannya.

### Kaedah Kajian

Pertama, sastera pengabdian membicarakan aspek latar belakang penulisnya, bagi melihat sejauh mana komitmennya terhadap apa yang dihasilkannya. Dapat disorot juga aspek tujuan atau niat pengarang itu berkarya. Meskipun perkara ini adalah sesuatu yang sangat abstrak, tetapi sebenarnya hasil atau amalan seseorang pengarang dapat dilihat sebagai penentu nilai. Sesuatu pekerjaan yang baik, hasil yang baik, biasanya diniat atau dimulai dengan hasrat hati yang baik juga. Aspirasi pengarang dan visinya terserlah dalam karyanya.

Kedua, pendekatan teori ini menganalisis aspek isi karya. Pengertian isi merujuk kepada subjek, mauduk, persoalan, tema, pemikiran, ideologi, dan falsafah. Tahap awal yang hendak digariskan, iaitu sejauh mana isi karya tersebut membincangkan isu-isu keislaman. Dari sudut manakah isu keislaman itu dirujuk. Dalam konteks ini teori ini melihat daripada dasar-dasar atau paksi Islam seperti subjek akidah, syariah, akhlak, masyarakat dan sebagainya.

Ketiga, pembicaraan di sekitar aspek teknik penulisan. Dalam aspek ini, dua perkara yang harus dibenarkan perhatian utama, iaitu estetika dan logik. Apabila disebut estetika, maksudnya ialah keindahan yang sesuai dengan konsep Islam. Estetika dapat dikatakan merangkumi juga aspek keindahan sebagai karya sastera dalam pengertian yang umum. Misalnya, apabila menggambarkan watak yang sedang mengalami perkembangan iman dan kesedaran Islamiah hendaklah diolah dengan cara yang menyakinkan supaya jangan timbul rasa pura-pura dan tidak realistik. Berbagai-bagai teknik sebenarnya boleh dipergunakan dalam mengembangkan watak dan cerita, tetapi yang selalu dipakai dalam karya-

karya berunsurkan Islam seperti teknik dakwah, khutbah atau fikiran-fikiran terbuka yang dilontarkan melalui perbualan pengarang, sudah menjadi satu klise dan tidak menarik. Teknik yang asli dan memperlihatkan penguasaan estetika yang tinggi dan selaras pula dengan Islam tentulah menjadi suatu bahan perhatian yang menarik dan istimewa. Dalam teknik ini, terdapat dua perkara yang harus ditekankan. Pertama, estetika yang dikaitkan dalam pengertian Islam sambil membenarkan aspek-aspek keindahan umum yang tidak bercanggah dengan nilai-nilai Islam. Kedua, hukum logik yang dipakai dalam Islam bagi melihat sejauh mana aspek kesusasteraan dan hukum akal dalam sesebuah karya itu dilaksanakan dengan cukup berkesan. Aspek keindahan merupakan faktor penting dan menjadi nadi karya sastera.

Keempat, sastera Islam menekankan aspek kesan dan pengaruh. Sastera Islam tidak lahir untuk kekosongan atau keseronokan semata-mata kerana seni. Karya sastera sebagai suatu reaksi peristiwa yang terjadi dalam masyarakat. Segala peristiwa kemasyarakatan itu baik yang telah menjadi sejarah atau yang sedang dilalui akan menggambarkan fenomena-fenomena sosial, budaya, ekonomi, politik dan pelbagai dimensi kehidupan yang lainnya. Pengarang dilihat dalam konteks ini memiliki tanggung-jawab moral terhadap masyarakatnya. Yang penting sudut pandangan pengarang ialah menegakkan misi dan visi Islam. Sastera dalam Islam adalah wadah dan alat untuk masyarakat, iaitu masyarakat Islam dan masyarakat yang mengamalkan syariat Islam. Justeru, Islam memandang penting hubungan, peranan dan fungsi karya sastera terhadap masyarakat. Kajiannya juga harus dibuat terhadap sejauh mana keberkesanannya sesebuah karya sastera itu dalam mengutarakan persoalan pengukuhan akidah dan pembentukan akhlak Islamiah.

### Estetika dalam Teori Sastera Pengabdian

Salah satu aspek dalam analisis prinsip sastera pengabdian ialah aspek bahasa. Bahasa menjadi ciri utama dalam pembentukan estetika sastera Islam. Telah dihujahkan bahawa Al-Quran memiliki keindahan bahasa, sehingga terpesona orang yang mendengarnya. Bahasanya yang merdu, lunak dan menghairankan. Telah dijelaskan, banyak peristiwa yang menunjukkan pembesar-pembesar Quraisy walau pun mengikari dakwah namun secara senyap-senyap mereka medengarkan al-Quran, kerana terpesona dengan estetikanya.

Dalam konteks ini menurut al-Jahiz, keindahan bahasa adalah menjadi ciri utama dalam perkebangan dan pengajaran sastera. Dalam al-Quran banyak cerita-cerita gembira akan meresap dan bersatu dalam

jiwa dan tergambar keindahannya penuh nikmat dan keriangan, sementara cerita sedih membolehkan pembacanya menitiskan air mata, kerana ia disampai dalam bahasa yang indah. Menurut Abu Hayan al-Tauhidi, setelah mengkaji akan tulisan-tulisan pengkaji sastera Islam, beliau mendapati bahawa keindahan sastera dalam al-Quran seolah-olah tersembunyi di sebalik pengaplikasian bahasanya Apabila kita membaca amat terasa keindahan itu, tetapi amat sukar untuk menjelaskan keindahan yang kita rasakan itu.

Kita sering merujuk Surah al-Rum, yang mafhumnya Dan daripada tanda-tanda kebesaran Allah ialah menjadikan langit dan bumi dan perbezaan bahasa, sastera dan bangsa kamu sekalian, sesungguhnya yang demikian itu adalah tanda-tanda bagi orang yang berilmu. Rasulullah adalah amat menyintai bahasa yang indah, baginda gemar mendengar syair-asyair yang indah, namun juga sangat menghargai isi yang baik, kerana isi yang baik itu adalah juga refleksi daripada bahasa yang indah. Elok kita mengenal Rasulullah s.a.w. dalam konteks sastera. Untuk menjadi manusia sastera yang mutakammil, saya rasa contoh paling ideal ialah Junjungan Besar kita Nabi Muhammad s.a.w. Perlu ditegaskan Nabi Muhammad saw bukanlah seorang penyair seperti yang dituduh oleh musyrikin Quraisy. Diriwayatkan Nabi Muhammad s.a.w. menguasai bahasa sastera, sejak zaman remajanya sudah menguasai banyak dialek bahasa Arab. Mengetahui kiasan, kata-kata hikmah, peribahasa dan syair-syair Arab. Nabi juga menguasa sastera daripada pelbagai kabilah orang-orang Arab Jahiliyyah, dan Baginda bersahabat dengan para penyair dan pemidato. Sewaktu Islam mula dianut dan penyebarannya dituntut, Nabi Muhammad s.a.w. menyebarkan dakwahnya dengan menggunakan bahasa sastera, bahasa dialek dan menggunakan peribahasa dan sebagainya untuk memudahkan fahaman dan mengindahkan uslubnya. Baginda juga mengelakkan daripada bahasa yang sukar diafahami apalagi yang memerlukan pentakwilan. Kita boleh belajar dari sejarah, cara Nabi Muhammad s.a.w. mengislamkan sastera Arab Jahiliah. Dalam tradisi masyarakat Arab sebelum Islam, memanglah kaya dengan sasteranya, berbagai genre diperkembangkan terutama syair, pidato, suratan dan kisah, tetapi akhirnya diislamisasikan dengan mengindahkan sastera Arab Islam. Caranya dengan syair-syair dibacakan di masjid-masjid. Bukan sahaja penyair menjadi sahabatnya, juga ada yang dilantik sebagai ketua Perang. Ibnu Rawahah adalah ketua Perang Islam yang ketiga (Darwisy, Muhammad Tahir 1985).

Keindahan dalam konteks seni Islam, dapat dikaji daripada sudut aplikasi bahasa, penyampaian, kefasahan, kebenaran dan aspek medan makna (Bahaziq, Umar Muhammad Umar 1994 dan Al-Aqub, Isa Ali

2004). Pertamanya terletak pada dixsi atau lafaz, ayat atau jumlah, makna atau mafhum dan pada cara penyusunan uslubnya. Diksinya betul, tepat, sesuai dan jelas mengikut mauduk dan taraf khalayaknya. Ayat-ayatnya jelas, fasih, murni, kukuh dan menarik susunannya. sehingga mempengaruhi rasa dan fikir khalayak. Ia menggoda dan mempesona. Maknanya pula sampai kepada khalayaknya sama ada secara terbuka atau terikat, tersurat atau tersirat.

Kedua, pada cara penyampaiannya, terutamanya penyampaian makna atau semantiknya, al-badik. Kemampuan pada menyampaikan makna yang baik dan indah secara selapis atau berlapis adalah menjadi salah satu prinsip penting keindahan bahasa sastera Islam. Dalam menyampaikan makna, ada unsur hiasan seperti ungkapan digunakan dengan pelbagai cara seperti istiarah (metafora) tasybih (simile), figuratif (majaz). Dalam konteks ini istiarah saja banyak jenisnya antaranya tasyrikhiah, asliyyah, dan tabaiyah; iaitu yang menyerupai, asli dan konvensional. Segala unsur bahasa itu, di dalam Islam mempunyai kaedahnya yang berbeza dengan pengertian yang kita fahami selama ini. Bukan sahaja terletak pada makna yang indah juga cara penyampaiannya juga indah. Cara pengungkapan atau al-bayan menjadi dasar estetika Islam. Dalam al-Quran banyak personifikasi (istiarah makniyyah) seperti Surah 11:4 “Hai bumi telanlah airmu”. Keindahan bahasa dirumuskan daripada keindahan bahasa al-Quran, menunjukkan betapa Islam sangat mementing sastrera, lebih-lebih lagi puitikanya (Sukran Kamil 2009).

Ketiga, dua istilah yang sering disebut ialah bahasa fasahah dan bahasa balangah. Fasahah banyak merujuk kepada kalimah (dixsi), ia harus mempunyai ciri sahib, tanbih, hasan dan matin; juga sesuai dengan situasi (makkud), berpengaruh (maksur) dan mempesonakan (masrur). Beberapa kriteria dapat dikesan untuk menghasilkan esetik fasahah ini, iaitu menjauhi daripada pemilihan kata yang mengelirukan atau merosakkan, kata-kata yang sengaja dikaburkan, perulangan yang membazir, perkataan asing yang asing dan berturut-turut dengan pelbagai sinonim yang hanya sebagai hiasan (idafah). Dalam aspek balaghah atau penyampaian atau pun komunikasi, keindahan terserlah apabila ia dikemukakan dengan menggunakan pelbagai unsur hiasan seperti ibarat, riwayat dan silsilah. Namun yang penting ialah ia sampai kepada khalayak dengan ujaran yang pendek atau panjang yang mempunyai unsur mengagumkan, mengajaibkan dan menghairankan. Ada juga yang menyebut bahawa penyampaian dengan bahasa yang mensihirkan, magis, mempesona dan merentak rasa nubari serta membangunakan indera akal untuk berfikir. Puncak keindahan sastera Islam membina insan Islam yang mufakirun dan yang taaqilun.

Keempat, estetika seni Islam tertongggak pada menjelaskan kebenaran. Kebenaran itu boleh disampaikan dengan bahasa prosa (nasr) atau simbol (ramzi). Bahasaa simbolik atau teks simbolisme, banyak dihasilkan dalam tradisi penulisan Islam, terutamanya yang bergenrekan sufisme dan filosofikal. Kekayaan al-Quran daripada segi simbolik seperti istiarah dan majaznya menjadi aspirasi dan ikutan pengarang Islam. Begitu juga di dalam al-Quran terdapat ayat muhkamah dan mutasyabihah, daripada konteks ini, yang muhkamah jelas maknawinya, sedangkan mutasyabihah memerlukan pentakwilan dan kepakaran (ulul albabb); justeru ditakuti jatuh kepada kesalahan tafsir. Terdapat karya sastera, yang memasuki ke alam bukan aliran al-haqiqiyah, sebaliknya ke dunia unreal, teks begini juga mempunyai estetik bahasanya, dan memerlukan kefahaman tentang pentakwilan dan simbolisme. Apa pun Islam mementingkan kebenaran, dan ia terjelma dalam kepelbagaiannya estetika bahasa. Justeru, Islam mengelakkan daripada sifat kekaburuan dan kekeliruan.

Kelima, estetika bahasa Islam meletakkan dasar tentang makna. Segala aplikasi bahasa baik lafadz, jumlah, fasahah dan balaghahnya berpuncak pada makna. Apabila mengaplikasikan bahasa Islam kita dapat keindahan bahasa dan maknanya disampaikan dalam pelbagai bentuk. Makna ada waktunya disampaikan secara terbuka (fatahah), dalaman (transidental) tersembunyi (latent).

Dapatlah disimpulkan bahawa estetik dalam penulisan Islam menggalakkan para penulisnya supaya menggunakan perkataan yang sah atau sahih, sedap, didengar dan tidak buruk, baik dari segi bunyi atau makna. Justeru, perkataan yang ganjil, susah difaham dan menyakitkan telinga telah ditinggalkan dan diganti dengan kalimah-kalimah baru yang suci dan bersih. Penggunaan perkataan dalam al-Quran adalah menjadi contoh yang tepat, yakni banyak memperkenal kalimah baru yang lebih baik, baku dan dapat mempertingkat pemikiran pemakainya. Penggubahan uslub, ayat atau semantik jauh berbeza dengan apa yang ada dalam tradisi sastera klasik Arab dengan yang diamalkan oleh penulis Islam. Usaha memperbaiki atau disebut ikhtihsan dalam pembinaan ayat dilakukan dengan sebaiknya. Tentu saja hasil daripada perubatan penggunaan perkataan dan penstrukturran ayat itu, dapat pula memberikan suatu makna dalam suatu bidang yang baru. Maknanya jelas dalam hubungan sastera selalunya memberikan berbagai-bagai pengertian. Ia mudah difahami oleh masyarakat tanpa mengurangkan mutu karya. Apabila tingkatan pemikiran dan fahaman masyarakat itu sudah tinggi, maka penggunaan ayat yang komplikated dibolehkan dalam karya yang bercorak falsafah dan mujarab (Khalil Ibrahim, Abdul Rahman 1981).

Betapa kita menyaksikan satu unsur yang memperkaya dan memper-tingkatkan mutu pengkaryaan Islam ialah penggunaan al-ibarah, perbandingan, simile, dan seba-gainya. Estetika Islam mempunyai dua tendensi: pertama, memperkatakan sesuatu se-cara terus dan kedua, ada kecenderungan menggayaikan stail kiasan dan ibarat. Zaman sebelum Islam memang terkenal dengan ibarah, fantasi dan khayalan, sehingga kriteria kritikan meletakkan bahawa semakin kuat daya imaginasi semakin bermutu pula karya tersebut. Islam tidak mementingkan daya khayalan, ia lebih melihat pada dasar kebenaran, akaliah dan kejujuran. Tegasnya, yang klasik bercorak khayalan, dan yang baru bercorak akaliah. Tidak secara langsung penggunaan perkataan dan pembinaan ayat menjadi kriteria penting dalam pe-nilaian kritikan Islam.

## Estetik Reka Bentuk

Estetika Islam juga meletakkan pada sudut bentuk. Nabi Muhammad s.a.w. sendiri memberikan tempat yang istimewa dalam masyarakat Islam akan bentuk syair. Bentuk ini sudah berkembang dalam masyarakat jahiliah, begitu juga beberapa bentuk yang lain seperti pidato, suratan, penglipur lara dan sebagainya. Dalam hubungan ini, bentuk karya dalam Islam dibenarkan diwarisi dari kalangan masyarakat sebelum Islam. Bagaimana pun bentuk syair yang hampir-hampir menyerupai al-Quran adalah ditegah. Masyarakat Arab sebelum Islam, mempunyai bentuk rajaz dan sajak/rima atau bahasa berirama yang dicipta oleh para kahin dan para pujangganya. Bentuk ayat al-Quran yang turun di Mekah dalam beberapa hal, menyerupai bentuk rajaz ini, tujuannya untuk melawan bentuk syair Arab berkenaan bertujuan jangan menimbulkan kekeliruan, penyair Islam dilarang menggunakan supaya masyarakat Islam tidak dikelirukan. Apabila masyarakat Islam sudah kuat, bentuk yang dilarang itu kembali digunakan. Berdasarkan kenyataan di atas, estetik Islam tidak mahu sesebuah karya yang dihasilkan mengelirukan atau menyusahkan masyarakat Islam. Sebarang bentuk atau struktur karya boleh diaplikasikan, asal sahaja ia diterima oleh masyarakat pembaca atau masyarakat sasteranya. Adalah tidak benar Islam tidak mengizinkan masuk-nya bentuk-bentuk sastera dari luar. Malah dalam tradisi sastera Islam sendiri, boleh dikatakan ia meneruskan bentuk yang sudah sedia ada yang diubah hanyalah isi dan roh karya (Mana Sikana 2005).

Apabila masyarakat Islam telah bertambah teguh dan tersebar luas dalam zaman Umayyah serta kesusasteraan Islam itu sendiri berkembang luas, estetika Islam juga mengalami perubahan. Bagaimanapun, aspek pengukuhan akidah dan pembentukan akhlak

Islamiah tetap menjadi nadi dan prinsip yang utama dalam sastera Islam. Setiap zaman dan waktu, Islam berdepan dengan cabaran halangan dan rintangan, yang semuanya hendak melemahkan iman penganutnya dan meruntuhkan moral pemeluknya. Melihatkan gejala ini yang dilakukan oleh musuh Islam abad demi abad, estetik Islami, terus menggunakan prasyarat nilai sastera dalam zaman Nabi Muhammad s.a.w. sebagai prinsip utama. Para penulis Islam biar di mana pun dan dalam zaman apa pun tetap berusaha untuk mempertingkat keimanan dan memperkuuh perpaduan serta memperbaiki akhlak Islamiah.

Banyak ayat al-Quran yang membahaskan hubungan sastera dengan Nabi Muhammad s.a.w., malah terdapat pula surah al-Syuarak dalam al-Quran. Para bijak pandai Islam telah merumuskan atau membina beberapa pendekatan estetika teori sastera daripada ayat-ayat suci itu dan juga teori-teori yang disabdakan oleh Nabi Muhammad SAW. Dalam zaman khalifah berikutnya, para khalifah sendiri, terutama Saidina Omar al-Khattab, telah memberikan beberapa panduan dalam penciptaan sastera. Tidak syak lagi panduan itu adalah bahan-bahan yang boleh membina teori kritikan. Kritikan Islam terus berkembang di zaman Umayyah dan Abbasiah; dan yang paling menggembirakan, khalifah-khalifah Islam sendiri seperti Omar Abdul Aziz telah mengambil berat akan pekembangan kesu-sasteraan (Al-Sheikh, Ahmad al-Iskandari 1997). Begitulah Islam dianggap sebagai terbitnya matahari akal di dalam sasterawan Arab bagi menerima al-Quran dan menolak tradisi kesusasteraan Jahiliyah yang kebanyakannya menyemarakkan semangat permusuhan antara kabilah dan menimbulkan tasub perkauman. Syair dijadikan senjata bagi memerangi tohmahan para penyair musyrikin, dijadikan alat penyebaran Islam dan sebagai penginterpretasi Islam itu sendiri.

Syair-syair waktu itu diciptakan untuk memperbaiki hubungan manusia dengan Tuhan, di samping hubungan sesama manusia. Ini dapat dilakukan dengan meniupkan semangat keislaman seperti taat dan patuh kepada perintah Allah, bertawakal dan menyerah kepada Allah, ikhlas dan jujur dalam segala pekerjaan, sentiasa bertaqwah, iaitu menjauhkan larangan dan melakukan suruhan, mengharapkan keredaannya dan yang paling penting untuk zaman itu ialah meninggalkan penyembahan berhala dan menunaikan segala kewajipan. Sementara akhlak terhadap manusia terpecah kepada tiga, iaitu diri sendiri, tetangga dan masyarakat. Semuanya dapat dicapai dengan mengamalkan persaudaraan, ehsan, kejujuran, tattaqun, syura, adil, musawah dan berbaik-baik sangka. Akhlak terhadap bukan manusia

juga digariskan oleh Islam seperti tidak melakukan fasad di muka bumi, selalu bersifat ramah kepada binatang, belas kasihan terhadap tumbuhan dan sebagainya.

Nabi Muhammad s.a.w. dalam konteks penstrukturran karya sastera sangat memberatkan isi karya, yang ditunjukkan pada zaman Baginda ialah isi syair yang dapat memenuhi tanggapan mengajak manusia berbuat baik dan melarang melakukan kejahanan. Nabi Muhammad s.a.w. juga menggalakkan isi karya yang dapat mengingatkan kepentingan akal manusia dan menghargai kehidupan. Gunakanlah kesempatan hidup ini sebagai jambatan untuk bahagia di akhirat. Ambil segala peluang semasa di dunia, tetapi jangan lupa habuan di akhirat. Tegasnya, kritikan Islam lebih menekankan aspek isi. Apabila disebut isi, maka dengan secara langsung kita akan dihadapkan dengan persoalan, subjek, pemikiran, idealogi, falsafah, premis, tujuan, fungsi dan hal-hal yang bersangkutan dengan permasalahan yang digarap oleh penyair atau penulisnya..

Subjektiviti dan pemikiran-pemikiran yang diredai oleh Rasulullah ialah yang rnembincangkan roh keislaman sama ada roh yang bercorak keagamaan atau yang berbentuk akhlakiah. Agama dan akhlak merupakan dua subjek yang bergerak di atas sebuah landasan yang sama, iaitu menegakkan kekuatan akidah, dan mengajak manusia memanusiakan manusiawinya. Sesungguhnya ia merupakan jalan perpaduan ummah dan tangga yang rnembawa kebahagiaan di dunia dan akhirat. Isi dalam penstrukturran yang dibenarkan Islam menjadi tonggak kepada estetik seni Islam. Dalam hubungan melaksanakan atau mewujudkan isi-isi karya yang dibenarkan oleh Islam, para pengkaji menyatakan Islam membuka pintunya untuk membincangkan apa sahaja persoalan, asalkan ada hubungannya dengan pengukuhan akidah dan memperbaiki ahklak manusia. Bagi menyampai matlamat ini, sudut penggunaan bahasa atau gaya diambil perhatian. Pemilihan perkataan atau alfaz dan pembinaan ayat atau uslub menjadi ukuran bagi mencipta sesebuah karya Islam. Alfaz dan uslub mempengaruhi struktur karya, ia dapat memberikan kesan terhadap pembentukan struktur luaran karya.

## Kesimpulan

Estetik dalam dunia sastera dapat diujah dan dibuktikan menjadi teras kepada penciptaan karya sastera. Dalam beberapa teori sastera Barat, seperti formalisme, struktur dan pascastrukturalisme menunjukkan estetika menunjang aspek bahasanya. Dalam teori tempatan seperti puitika sastera Melayu mempunyai wacana estetik bahasanya, yang selari

dengan budaya dan falsafah Melayu. Begitu juga Islam mempunyai konsep dan prinsip keindahannya yang tersendiri, yang disumberkan daripada al-Quran dan al-Hadis, yang dapat dilihat dalam konteks bahasa dan penstrukturannya.

Analisis ini juga cuba menunjukkan dasar dan kekuatan penghayatan estetika Islam yang paksinya bersumberkan estetika al-Quran dan al-Hadis itu. Di samping itu kita dapat juga melakukan muqaranah atau perbandingan dengan mensejajarkan estetika Islam dengan teori-teori yang lainnya, terutamanya teori Barat. Pengetahuan ini akan membolehkan seseorang itu menerapkan teori sastera Islam terhadap teks-teks sastera dan menanamkan perasaan cinta terhadap kesenian dan kebudayaan Islam.

## Rujukan

- Ahmad, Syaib. 1964. *Usul al-Naqd al-Adabi*. Kahirah: Maktab al-Nahdah.
- Al-Akkad, Abbas Mahmud. 1964. *Fi al-Fanni al-Islami*. Kahirah: Dar al-Maarif.
- Al-Akkad, Abbas Mahmud. 1971. *al-Tafkir Faridah al-Islamiyyah*. Beirut: Dar al-Kitab al-Arabi.
- Al-Saifi, Ismail Mustafa. 1980. *Wa Akharun, al-Naqd al-Adabi wa Balaghah*. Kuwait: Wizarah al-Tarbiah.
- Al-Sheikh, Ahmad al-Iskandari. 1997. *Al-Wasit al-Adab al-Islami wa al-Arab*. Kahirah: Dar al-Maarif.
- Amin, Bakri Syaikh. 1978. *al-Takbir al-Fannifi al-Quran*. Beirut: Dar al-Syuruq.
- Al-Aqub, Isa Ali. 2004. *Al-Tafkir al-Naqdi inda al-Arab*. Beirut: Dar al-Fikir.
- Bahaziq, Umar Muhammad Umar. 1994. *Uslub al-QWuran baina al-Hidayah wa al-Ijaz al-Bayani*. Beirut: Dar al-Makmun.
- Darwisy, Muhammad Tahir. 1985. *al-Jamal fi Sadri al-Islami*. Kahirah: Dar al-Maarif.
- Dhaif, Syauqi. 1998. *Al-Adab Fi al-Asr al-Islami*. Kahirah: Dar al-Maarif.
- Fadal, Salah. 1997. *Manahij al-Naqd al-Muasir*. Kahirah: Dar al-Afaq al-Arabiah.
- Fokkema, D.W. & Kunne-Ibsch, Elrud. 1998. *Theories of Literature in the Twentieth Century*. New York: Columbia Press.
- Iskandar, Ahmad. 1967. *Al-Wasit fi al-Adabi wa al-Tarikh*. Kahirah: Dar al-Maarif.
- Khalil Ibrahim, Abdul Rahman 1981. *Daur al-Syikri fi Makrabah aldakwah a Islamiyyah*. Kahirah: Syarikah al-wataniah.
- Lemaire, Anike, 1997. *Jacques Lacan*. London: Routledge & Kagen Paul.
- Mana Sikana.2005. *Sastera Junjungan*. Bangi: Pustaka Karya.
- Mana Sikana. 2006. *Kritikan Sastera Melayu Moden*. Bangi: Pustaka Karya.
- Muhammad Haji Salleh. 20000. *Puitika Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mular, J & Richardson J. 2006. *Lacan & Language*. New York: Methuen.

- Sarup, Madan, 1993. *Poststructuralism and Postmodernism*. Athens: The University of George Press.
- Sukran Kamil, 2009. *Teori Sastera Arab*. Jakarta: PT Rajagrafindo Persada.
- Webster, Roger, 1990. *Studying Literary Theory*. London: Arnold.
- Zaqlul Salam, Muhammad. 1961. *Athar al-Quran fi Tataur al-Naqd al-Adabi*. Kahirah: Dar al-Maarif.